

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 24 JUN 2022
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 37

Ekonomi diunjurkan lebih baik

Ekonomi diunjurkan lebih baik

PETALING JAYA – Jabatan Perangkaan menjangkakan pemulihan prestasi ekonomi Malaysia, berdasarkan Indeks Pelopor (IP) yang semakin baik pada April lalu, iaitu alat yang digunakan untuk menjangka kenaikan dan penurunan ekonomi dalam purata empat hingga enam bulan ke hadapan.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin berkata, prestasi IP bagi April 2022 mereda kepada negatif 0.5 peratus, berbanding negatif 1.4 peratus pada Mac 2022.

“Penurunan dalam IP dipengaruhi terutamanya oleh kemerosotan bilangan unit kediaman yang diluluskan pembinaan, disebabkan oleh penurunan permohonan daripada pemaju pada bulan tersebut.

“Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, IP menyusut kepada negatif 0.5 peratus disebabkan oleh bilangan unit kediaman yang diluluskan pembinaan (-1.4 peratus), bilangan syarikat baru didaftar (-0.5 peratus) dan Indeks Perusahaan Bursa Malaysia (-0.3 peratus),” katanya dalam satu kenyataan.



MOHD. UZIR

Menurut Mohd. Uzir, walaupun IP perlamban pada bulan rujukan, hala tuju yang ditunjukkan kekal menggalakkan dengan konsisten melebihi arah aliran jangka panjang dan mencatatkan mata indeks yang lebih baik.

“Ini menunjukkan bahawa hala tuju trend pemulihan ekonomi Malaysia bertambah baik.

“Namun begitu, isu inflasi dan kenaikan harga komoditi perlu diberi perhatian dengan mengambil kira situasi global,” katanya.